



# HALA TUJU DASAR PRAGMATIK

**S**elepas lebih dua dekad Amerika Syarikat (AS) mengenakan sekatan ke atas Sudan, akhirnya pada 6 Oktober tahun lalu, beberapa sekatan yang melibatkan perdagangan dan ekonomi dihentikan melalui pengumuman rasmi yang dibuat oleh jurucakap Jabatan Negara AS, Heather Nauert.

Penamatan itu dilaksanakan selepas Khartoum menunjukkan kecenderungan positif untuk memulihkan akses kemanusiaan, sedia bekerjasama dengan Washington dalam soal konflik serantau dan ancaman terorisme.

Usaha tersebut telah berlangsung sejak penggal terakhir bekas Presiden AS, Barack Obama walaupun pada masa sama, proses itu turut menerima tentangan dan kecaman daripada pelbagai kumpulan hak asasi manusia.

Sepanjang sekatan tersebut dikenakan sejak 1997, Sudan berhadapan dengan tekanan ekonomi, termasuklah diasingkan daripada sistem kewangan dunia serta aset kerajaan dibekukan.

Konflik dalaman pula tetap berterusan sehingga membentuk negara baharu, iaitu Sudan Selatan pada tahun 2011 yang bukan sahaja telah mengecilkan wilayah pentadbiran Khartoum, tetapi juga menekan ekonomi kerana kehilangan kawasan yang memiliki sumber minyak yang penting sebagai sumber pendapatan negara.

Namun begitu, di samping beberapa sekatan yang masih diteruskan, nama Sudan juga kekal dalam senarai AS sebagai "negara penaja terorisme" yang diharamkan penjualan senjata dan sekatan daripada mendapat bantuan.





# SUDAN

Dalam reaksi segera pula, Khartoum menyambut baik langkah progresif Washington itu dan menyatakan hasrat untuk memastikan negara itu bebas daripada senarai negara penaja terorisme. Sehubungan dengan itu, antara langkah penting yang telah dilakukan termasuklah memulihkan hubungan dengan Sudan Selatan melalui satu perjanjian bagi menamatkan ketegangan antara kedua-dua negara itu.

Hasil daripada pemulihan tersebut, mereka bersetuju membentuk suruhanjaya sempadan, jawatankuasa konsultasi politik dan membenarkan bantuan kemanusiaan ke Sudan Selatan.

Dari segi ekonomi pula, Khartoum-Juba bersetuju menggerakkan semula operasi di kawasan minyak yang terjejas sebelum ini, menyokong sektor awam di Sudan Selatan dan buat pertama kali Juba akan melunaskan hutang kepada Khartoum.

Presiden Sudan, Omar Al-Bashir turut menyatakan penghargaan kepada kepimpinan Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz kerana telah memainkan peranan penting dalam usaha untuk membantu memastikan penamatan sekatkan itu berjaya dicapai.

Bagi memastikan misi itu dicapai, Raja Salman telah mengarahkan Putera Mahkota, Mohammed Salman dan Menteri Hal Ehwal Asing, Adel Al-Jubair untuk berhubung dengan pentadbiran AS dan beberapa pihak berkaitan.

Keputusan AS untuk menamatkan sekatkan terhadap Sudan secara dasarnya dianggap sebagai langkah

terkini yang berpotensi memulihkan hubungan kedua-dua negara itu. Keputusan yang diumumkan itu juga sekali gus membolehkan institut perbankan daripada kedua-dua negara berurusan, di samping memulakan pertukaran dagangan.


Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang relatif singkat, Sudan bertindak mengejut apabila mengambil langkah drastik dan berisiko tinggi dengan mengadakan kunjungan rasmi yang pertama ke Rusia untuk bertemu Presiden Vladimir Putin pada 23 November lalu. Berdasarkan kenyataan Omar, kunjungan itu bagi mendapatkan perlindungan Rusia daripada sebarang tindakan agresif oleh Amerika Syarikat.

Menurut Ahmad H. Adam dari Universiti London, perubahan tidak dijangka Khartoum ini merupakan langkah terdesak Omar untuk memastikan beliau boleh terus kekal berkuasa selepas pilihan raya yang dijadualkan bakal berlangsung pada 2020.

Seerti kebanyakan negara republik, peruntukan bagi jawatan presiden hanya dua penggal sahaja. Namun, sumber daripada parti pemerintah, Parti Kongres Kebangsaan (NCP) memberitahu bahawa Omar merancang untuk mengubah perkara tersebut bagi membolehkannya kekal berkuasa sekurang-kurangnya untuk lima penggal.

Malangnya hasrat Omar ini pula tidak mendapat restu AS apabila terdapat laporan yang mendedahkan Washington tidak berminat untuk menyokong pencalonannya.

Pendirian Washington itu tersasar daripada anggapan awal Omar yang menyangka Presiden AS, Donald Trump



yang tidak berminat dengan isu-isu hak asasi manusia dan demokrasi, akan membantunya untuk mengelak daripada dakwaan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICC), sekali gus memudahkan beliau untuk terus kekal berkuasa.

Selain itu, ICC mengeluarkan dua waran tangkap pada 2009 dan 2010 terhadap Omar -yang mula berkuasa pada tahun 1989- berhubung jenayah perang, jenayah kemanusiaan serta terlibat dalam pembunuhan beramai-ramai (*genocide*) di Darfur pada 2003. Dalam tragedi itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan sekurang-kurangnya 300 000 nyawa terkorban, manakala 2.5 juta kehilangan tempat tinggal.

AS pula sebelum ini telah memberikan isyarat kepada Menteri Luar Sudan, Ibrahim Ghandour supaya Omar meletakkan jawatan sebelum sekatan sepenuhnya boleh diteruskan, di samping Sudan dipadankan daripada senarai negara penaja pengganasan.

Sikap Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, John Sullivan ke Sudan pada pertengahan November lalu turut menjelaskan pendirian dingin Washington terhadap Omar apabila tiada pertemuan rasmi dengan beliau berlaku.

Malah, Sullivan dalam satu kenyataannya turut menjadikan pemansuhan hukuman bunuh terhadap golongan murtad (*apostasy*) yang dianggap sebahagian undang-undang Islam yang dilaksanakan di Sudan sebagai salah satu perkara penting sebelum dipadankan daripada senarai negara penaja terorisme.

Dalam pertemuan di Sochi yang turut dihadiri, Perdana Menteri, Dmitry Medvedev dan Menteri Pertahanan, Sergey Shoygu, Omar telah mengambil kesempatan dengan membidas penglibatan AS dalam hal ehwal dalaman di negara Arab, khususnya di Iraq.

Menyentuh perkembangan konflik di Syria, Omar menyatakan sokongan kepada campur tangan Moscow bagi menamatkan kemusnahan yang dilakukan oleh Washington. Lebih daripada itu, beliau turut bersetuju

dengan penglibatan Rusia dalam konflik di Timur Tengah yang secara jelas menunjukkan penolakan terhadap Washington dan Riyadh.

Omar turut cuba menarik simpati Moscow dengan mengangkit semula pemecahan di Sudan sehingga terbentuknya Sudan Selatan pada 2011 yang didakwa didalangi Washington. Malah, beliau mendedahkan perancangan kuasa besar itu adalah untuk memecahkan lagi Sudan bagi membentuk lima negara baharu yang dianggap sebagai "tindakan agresif" daripada kuasa besar itu.

Untuk memastikan Rusia bersedia memberikan bantuan ketenteraan dan perlindungan, Omar mendedahkan maklumat kepada media tentang persetujuan kedua-dua negara untuk membina pangkalan tentera di kawasan Laut Merah, di samping menyatakan minat untuk membeli sistem pertahanan udara Rusia, iaitu S-300 serta jet pejuang Su-30 dan Su-35.

Pada masa yang sama, untuk memastikan Rusia terus tertarik untuk memberikan bantuan dan perlindungan kepada Sudan, Omar turut menegaskan kepentingan Sudan sebagai "kunci" Rusia di Afrika berdasarkan hubungan kukuh Khartoum dengan semua negara Afrika, selain menyatakan minat untuk menyertai blok ekonomi baharu, BRICS.

Dalam kunjungan itu juga, Khartoum telah menandatangani perjanjian dengan Moscow tentang penggunaan tenaga nuklear bagi tujuan keperluan elektrik. Sesuatu yang agak mengejutkan apabila bukan sahaja AS dijadikan musuh Sudan, sebaliknya, dalam satu wawancara dengan *Russia Today*, Omar menegaskan akan membantah mana-mana negara Arab yang menentang Iran.

Walaupun terhutang budi dengan Riyadh dalam soal penamatan sekatan oleh Amerika Syarikat, tetapi peralihan mendarak ini juga berlaku kerana kekecewaan Omar yang mendakwa tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada sekutunya di Teluk selepas bertindak memutuskan hubungan diplomatik dengan Iran pada awal tahun 2016.

Pada awal Januari 2016, selepas Arab Saudi memutuskan hubungan dengan Iran ekoran serangan di Kedutaan Arab Saudi di Tehran, Sudan turut bertindak sama, namun atas alasan percubaan Iran menyebarkan ajaran Syiah di Sudan yang majoritinya beraliran Sunni.

Pada waktu itu, pemerhati menganggap Sudan bakal menggantikan Mesir sebagai penyokong Arab Saudi dan dasar-dasarnya di rantau itu selepas terdedahnya lima perbualan telefon yang menunjukkan keretakan hubungan Kaheerah-Riyadh.

Selain itu, Sudan turut memberikan kerjasama dengan terlibat dalam operasi ketenteraan pada Mac 2015 yang diketuai Riyadh di Yaman bagi menentang puak Houthi. Penglibatan ini turut dianggap sebagai pemulihan hubungan Riyadh-Khartoum walaupun pada masa sama, Khartoum menghadapi tekanan dalaman supaya membawa pulang tenteranya di Yaman.

Sepanjang pertempuran berlangsung sehingga September lalu, dilaporkan sebanyak 412 tentera Sudan yang terkorban, termasuk 14 pegawai tertinggi.

Perkembangan pemulihan ini turut menarik minat Riyadh untuk melabur dalam projek pertanian yang besar di bahagian utara dan timur Sudan yang merupakan sebahagian 30 projek keselamatan makanan oleh Arab Saudi.

Menurut wartawan Sudan, Fatah al-Rahman Youssef, Khartoum masih mempunyai peranan penting walaupun hubungan Kaheerah-Riyadh kembali pulih. Hal ini berlaku kerana katanya, Khartoum mempunyai hubungan kukuh dengan semua negara Afrika, dan merupakan saluran terbaik Riyadh untuk mengukuhkan hubungan politik, keselamatan dan ekonomi dengan Afrika.

Terdahulu, Sudan turut menyatakan rasa tidak senang dengan Riyadh apabila menolak tindakan untuk memutuskan hubungan dengan Qatar, dan sebaliknya memilih untuk tidak berpihak dalam krisis yang berlanjutan ini di samping menyokong langkah Kuwait untuk menjadi perantara dalam konflik ini.

Dalam artikelnya yang disiarkan di Al-Jazeera, Ahmed H Adam yang merupakan penyelidik bersekutu Sekolah Undang-undang di School of Oriental and African Studies (SOAS) berkata, langkah Khartoum berpihak kepada Moscow-Teheran berbanding Washington-Riyadh adalah lebih baik, walaupun belum tentu membantu, apatah lagi selepas kejayaan Rusia membantu Presiden Syria, Bashar al-Assad yang menghadapi tentangan puak pemberontak.

Oleh itu, kata Ahmed, jika Omar mampu memainkan peranan dengan baik seperti Bashar, beliau juga boleh berharap kepada Russia untuk melindungi kepentingan kuasa dan negara daripada ancaman AS. Walau bagaimanapun, sesetengah pemerhati pula berpendapat langkah perdamaian Omar yang terkini dengan pakatan Rusia-Iran ini tidak lebih daripada strategi untuk mengugat pakatan Amerika Syarikat-Arab Saudi supaya menyediakan sokongan politik dan kewangan terhadap pentadbirannya yang merupakan satu pertaruhan yang amat berisiko tinggi.

Tambahan pula, tawaran Khartoum kepada Moscow untuk membina pangkalan tentera di Laut Merah secara jelas tidak akan diterima oleh Washington.

Dalam pada itu, selain belum ada kenyataan tentang pemulihan hubungan Sudan-Iran, adalah terlalu awal untuk mengetahui sejauh mana Rusia bersejua sepenuhnya untuk membantu walaupun menerima tawaran Sudan yang agak lumayan dari sudut kepentingan geostrategi.

Kemungkinan sokongan yang Rusia berikan terhadap Sudan hanyalah dalam Majlis Keselamatan PBB (UNSC), forum-forum antarabangsa dan pembekalan persenjataan; dan bukannya turut serta dalam misi ketenteraan seperti yang dilakukan di Syria. Dalam hal menghadapi ketidakpastian sokongan muktamad daripada kuasa asing ini, Sudan tidak sepatutnya dijadikan korban baharu kepada medan pertempuran terhadap persaingan kuasa serantau dan antarabangsa, manakala Omar tidak sepatutnya mengizinkan sebarang eksploitasi daripada persaingan berlaku hanya semata-mata untuk kekal berkuasa.

Laporan oleh *Middle East Monitor* (MEMO) sebelum ini yang mendedahkan bahawa Sudan memiliki rizab tembaga terbesar di dunia. Menurut kenyataan oleh Pengarah Ariab Mining Company, Nasr-Eddin al-Hussien, lombong al-Qutb di timur Sudan mengandungi kira-kira lima juta tan logam dengan nilai sekitar RM69.3 juta (\$17 juta). Dalam lombong yang sama juga, menurut Kementerian Mineral Sudan, mengandungi logam lain seperti emas, zink dan perak.

Berdasarkan penemuan baharu ini, Sudan sewajarnya memanfaatkan sumber penting itu untuk membina semula kuasa tawar-menawar dengan negara luar berbanding mengambil pendekatan pragmatik dan menagih simpati kuasa asing supaya memberi bantuan dan sokongan semata-mata. 